

PM-SAPU

(I)

1983

KUALA LUMPUR, 2 OKT. (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG BELUMPUN SAMPAI 10 JAM PULANG DARI LUAR NEGERI, HARI INI TURUN KE JALANRAYA DENGAN BERSENJATAKAN PENYAPU DAN PENYODOK SAMPAH UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KEMPEN KEBERSIHAN.

KEMPEN KEBERSIHAN SELAMA SEBULAN ITU DIMULAKAN SEBAIK SAHAJA PERDANA MENTERI MENEKAN BUTANG PEMBUKA TIRAI YANG MENUTUP TEMA KEMPEN TERSEBUT -- MASYARAKAT BERSIH NEGARA MAJU.

BELIAU KEMUDIANNYA MEMULAKAN KEMPEN ITU DENGAN MEMBALING DUA BEG YANG PENUH DENGAN SAMPAH KE DALAM SEBUAH TRAK SAMPAH YANG SEDANG MENUNGGU.

BELIAU STERUSNYA MENEKAN BUTANG TRAK TERSEBUT UNTUK MEMASUKKAN SAMPAH TERSEBUT KE DALAM PERUT TRAK ITU DENGAN DIIRINGI TEPUKAN GEMURUH DARI SERAMAI 3,500 ORANG YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KEMPEN YANG DILANCARKAN DI MEDAN SELERA DI JALAN MEDAN BUNUS DI SINI.

TURUT MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KEMPEN UNTUK MENYEMAIKAN SIKAP KEBERSIHAN DAN KESEDARAN SIVIK DI KALANGAN ORANG RAMAI IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR. JAMES ONGKILI DAN PEMANGKU MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK RAIS YATIM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIANNYA DIBAWA DENGAN TRAK YANG BARU KE JALAN MASJID INDIA YANG TERLETAK BEBERAPA METER DARI SITU UNTUK MENGETUAI KERJA GOTONG-ROYONG. -- LAGI 1422/OM

DATUK MUSA YANG DIIKUTI OLEH DATUK RAIS DAN TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN ENCIK AHMAD SHAH TAMBAKAU TELAH DIBAWA DENGAN SEBUAH TRAK YANG LAIN UNTUK MEMBERSIHKAN SATU TEMPAT LAIN YANG BERDEKATAN.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH DATUK DR. ONGKILI, KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI HASHIM AMAN DAN DATUK BANDAR DATUK DR. ELYAS OMAR KEMUDIANNYA TELAH MENYAPU SAMPAH YANG TERDAPAT DI ATAS JALANRAYA ITU.

TIADA SAMPAH YANG TIDAK DISAPU OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN PARA PEKERJA DEWAN BANDARAYA TELAH BERKEJAR UNTUK MEMBANTUNYA MENGANGKAT BATANG POKOK DAN LAIN-LAIN SAMPAH SARAP.

PENYAPU-PENYAPU, PENYODOK-PENYODOK SAMPAH, CANGKUL DAN LAIN-LAIN ALAT YANG BARU UNTUK MEMBUAT KERJA PEMBERSIHAN TELAH DIATUR DI TEPI JALAN UNTUK MEMUDAHKAN PARA PESERTA YANG TERDIRI DARI PARA PEGAWAI KERAJAAN, PEKERJA-PEKERJA SEKTOR SWASTA DAN BADAN-BADAN SUKARELA.

BEBERAPA ORANG YANG MENYAKSIKAN PERDANA MENTERI ITU TELAH BERKATA +PERDANA MENTERI BENAR-BENAR MENGAMALKAN SLOGAN KEPIMPINAN MELALUI TELADANNYA. +-- LAGI 1425/OM

SELEPAS MEMBUAT KERJA SELAMA SEJAM, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +SEKURANG-KURANGNYA KAWASAN INI SEKARANG INI BERSIH DAN BETAPA LEGANYA BALIK KE BANDARAYA YANG BERSIH.+

PUSAT BANDARAYA TELAH DIBAHAGIKAN KEPADA BEBERAPA ZON UNTUK BEBERAPA KUMPULAN BERGOTONG ROYONG MEMULAKAN KEMPEN KEBERSIHAN SERENTAK.

MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DATUK SANUSI JUNID TELAH MELANCARKAN KEMPEN TERSEBUT DI KAMPUNG CERAS BARU, MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN ENCIK ANWAR IBRAHIM DI JALAN TAMBAHAN DEKAT KEM WARDIEBURN, MENTERI KESIHATAN DATUK CHIN HON NGIAN DI KAMPUNG SUNGAI PENCALA, KAMPUNG PELAMBAIAN DAN KAMPUNG BUKIT LANJUT DI DAMANSARA.

DI KEPONG, KEMPEN TERSEBUT DILANCARKAN OLEH MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR DATUK AMAR STEPHEN YONG MANAKALA KEMPEN BAGI EMPAT KAWASAN DI JALAN KELANG LAMA DIKETUAI OLEH MENTERI KERJAYA DATUK SAMY VELLU. -- LAGI 1430/OM

DI JALAN KELANG LAMA, DATUK SAMY MENGETUAI LEBIH 200 ORANG PENDUDUK DAN PEKERJA SUKARELA MEMBERSIHKAN TAPAK PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK DI TAMAN DESA.

BELIAU BERJANJI AKAN MENYUMBANGKAN TIGA BUAH JAM DINDING KEPADA PERSATUAN PENDUDUK TAMAN ITU SEBAGAI HADIAH KEPADA KETUA TIGA BUAH RUMAH YANG TERBERSIH.

DI TAMAN TUN DR. ISMAIL PULA, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ BERSAMA-SAMA 300 ORANG TELAH MEMBERSIHKAN KAWASAN PERSEKITARAN, TERMASUK PADANG, BURAU DAN SEKOLAH.

SEMUA NEGERI AKAN MELANCARKAN KEMPEN TERSEBUT DALAM MASA SEMINGGU DAN INI ADALAH PERTAMA KALI ORANG RAMAI AKAN DILIBATKAN DALAM KEMPEN KEBERSIHAN BESAR-BESARAN. -- BERNAMA 1431/OM